

CNS8529

U GB 15-06 00170 BH672

aab

Mahathir-EAEC

CARI JALAN UNTUK ATASI TENTANGAN AS TERHADAP EAEC, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Malaysia akan mencari jalan bagi menghadapi Amerika Syarikat yang mengumumkan pendirian rasminya menolak konsep Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC).

"Kita akan susun langkah untuk mencari jalan supaya kita dapat mengatasi tentangan Amerika terhadap EAEC," kata Perdana Menteri.

Pegawai kedutaan Amerika di Tokyo dilaporakn telah memaklumkan kepada kerajaan Jepun pada 7 Jun bahawa Washington menentang EAEC yang disifatkannya sebagai akan mempunyai kesan-kesan negatif kepada Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Ini adalah kali pertama pentadbiran Presiden Bill Clinton, yang sebelum ini mengambil sikap tunggu dan lihat terhadap EAEC, memberi isyarat jelas bahawa ia menentang cadangan EAEC.

Dr Mahathir yang bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian kontrak pemprosesan sisa kumbahan usahasama syarikat-syarikat Malaysia, Thailand dan Iran di sini, juga mengesahkan menerima maklumat bahawa Washington sudah membuat pendirian rasmi mengenai EAEC. -- Lagi.

♥15/06/19-57MST

U GB 15-06 00121 BH673

aab

Mahathir-EAEC 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai Jepun yang belum lagi menyatakan pendiriannya mengenai EAEC, beliau berkata: "Kita akan teruskan usaha (untuk memujuk Jepun supaya menerima cadangan EAEC)...terpulanglah."

Agensi berita asing di Singapura melaporkan hari ini bahawa pegawai kedutaan Amerika di Tokyo berkata Thailand, pengerusi Asean sekarang dan Brunei, pengerusi dialog Asean-Amerika tahun ini, akan dimaklumkan mengenai pendirian Washington secepat mungkin.

Menurut laporan itu, pendirian Amerika yang menentang EAEC dimaklumkan selepas pegawai-pegawai Asean memberi taklimat kepada kerajaan Amerika semasa mesyuarat dialog Asean-Amerika di Washington bulan lepas.

Mesyuarat itu diadakan bagi membolehkan pegawai-pegawai Asean memberi gambaran jelas mengenai EAEC serta menyerahkan kertas dasar mengenai cadangan itu. -- Bernama

ZV AZ.